

Pameran Integrasi Borneo III

UB 9.4.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

PERJALANAN yang jauh itu bermula dengan satu tapak. Perjalanan yang susah dan rumit boleh menjadi senang dan menyeronokkan jika semua ahli di dalam rombongan berkerjasama dan bertanggungjawab menjayakan perjalanan dan eksplorasi seperti yang di usahakan oleh kumpulan mahasiswa/siswi yang mengikuti kursus pengurusan Galeri dan Pameran, di Fakulti Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah pada 1 hingga 5 April 2017 yang lalu ke Miri Sarawak.

Tujuan perjalanan ini adalah untuk mengadakan pameran lukisan bertajuk 'Integrasi Borneo ketiga 2017'. Pameran yang diusahakan oleh pelajar pelajar yang mengikuti kursus Pengurusan Galeri dan Pameran sentiasa mengadakan sesi amali serta praktikal di lapangan melalui pameran dan juga eksplorasi seni visual dalam dan luar

negeri.

Ekplorasi ke Miri adalah kali ketiga selepas Kuching, Sarawak dan Kuala Penyu, Sabah. Pameran ini bertujuan memantapkan kemahiran pengurusan pelajar berdasarkan latihan serta teori yang dipelajari dalam bilik kuliah.

Kebiasaan pelajar seni visual hanya bertanggungjawab menghasilkan karya tetapi tidak didedahkan kepada pengetahuan pengurusan serta pentadbiran galeri serta pameran seni.

Oleh sebab itu sebagai salah satu kursus teras yang perlu diambil oleh pelajar seni ini memberikan banyak manfaat yang berguna dan berfaedah menjamin kejayaan mereka sebagai pengamal seni yang berjaya di masa hadapan.

Pengurusan pameran seperti ini lazimnya dilakukan oleh setiap pelukis terkenal sejagat bagi menimba ilmu, mempertingkatkan daya kreativiti serta membuka minda menerusi pengalaman secara terus di lapangan.

Pengurusan galeri dan pameran sama ada besar atau kecil biasanya akan berdepan dengan masalah sertakekangan yang harus dilalui umpamanya dari aspek perbelanjaan, logistik, pengangkutan serta pentadbiran apabila mengadakan pameran seni visual di tempat sendiri ataupun di tempat asing.

Pameran pelajar pengurusan galeri di Fakulti Kemanusian Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah diadakan di lobi Pustaka Miri yang tersergam indah dan menjadi salah satu mercu tanda yang terletak di

tengah bandar Miri.

Sebanyak 67 buah karya yang dipamerkan telah dihasilkan oleh mahasiswa/siswi sendiri sebagai persediaan mengadakan pameran Integrasi Borneo 2017.

Perjalanan ke Miri dimulakan pada pagi Sabtu dan seterusnya perjalanan yang sangat panjang selama dua belas jam dengan bas melalui tiga buah negeri iaitu Sabah, Brunei Darussalam dan juga Sarawak agak meletihkan ahli rombongan namun pemandangan serta panorama sepanjang perjalanan tersebut membangkitkan minat menghayati alam semula jadi, ini adalah kerana setiap daerah dan negeri yang dilalui oleh mereka memberikan pengalaman baru serta menimbulkan kekaguman kepada mereka terutama sekali mereka yang membuat perjalanan jauh kali pertama.

Menguruskan sesebuah pameran bukanlah sesuatu perkara yang mudah, setiap pameran perlu dirancang dengan teliti serta terperinci oleh sebab itu pameran 'Integrasi Borneo' ini juga telah di susun dan di rangkakan oleh jawatankuasa perlaksana sejak lima bulan yang lalu.

Oleh sebab perancangan yang teliti akhirnya pameran tersebut telah di realisasikan dengan jayanya dan dirasmikan pada 2 April oleh Ketua Bahagian Pustaka Miri Ahmad Samsudin. Beliau sangat teruja apabila menyaksikan pendekatan pengurusan yang lancar dan bersistematis yang dijalankan oleh pelajar bagi menjayakan pameran



PESERTA Program Integrasi Borneo 3 merakamkan gambar kenangan.

yang julung kali diadakan di Pustaka tersebut,. Oleh sebab kagum dengan usaha yang ditunjukkan oleh setiap pelajar yang menyertai pameran itu, beliau menawarkan tempat untuk pameran di masa akan datang serta ruang untuk menjalankan latihan amali di situ.

Pameran yang berjalan dengan lancarnya telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh pelajar sekolah tempatan, serta masyarakat tempatan yang mengetahui melalui radio serta promosi melalui akhbar serta siaran radio tempatan.

Pameran yang dijalankan selama dua hari bertujuan memberikan suntikan pengalaman pengurusan pemasaran serta organisasi pameran seni. Keseronokan berpameran dan menjelajah ke tempat baru sangat menguja kan para peserta rombongan, gambaran tersebut terbukti di air muka setiap pelajar yang menyertai rombongan terpancar satu kebanggaan bahawa kejayaan mengadakan pameran, karya mereka sendiri memberikan keyakinan

serta kepuasan yang jelas akan misi yang dituju nanti apabila tamat pengajian nanti.

Di samping itu keistimewaan berjalan di tempat asing memberikan peluang menjelajah di kawasan persekitaran umpamanya pada hari ketiga mereka berada di bandar Miri pelajar berpeluang melawat ke Gua Niah, sebuah penempatan purba yang diakui oleh pakar arkeologi antarabangsa sebagai penempatan manusia yang pertama di Pulau Borneo.

Gua yang terletak hampir tujuh puluh kilometer ke selatan Miri telah memperkenalkan kepada anak muda akan makna 'sense of belonging' sebagai anak watan bumi Borneo terutama mereka yang lahir di bumi Sabah dan Sarawak.

Perhubungan antara masyarakat dan tempat bersejarah seperti gua Niah, Sarawak atau pun Gunung Kinabalu, Sabah mendatangkan kebanggaan atau semangat kepunyaan setempat kerana dengan mengetahui sejarahnya

yang unggul seorang itu akan memperkuuhkan kecintaannya kepada negara.

Oleh sebab itu lawatan singkat ke Gua Dagang dan Gua Utama di Gua Niah memberikan impak yang sangat kuat. Semasa penulis menyusuri lorong menuju Gua Niah dari tebing sungai Niah kami bertemu dengan berbagai-bagi bentuk muka bumi akibat hakisan laut jutaan tahun yang lalu serta flora dan fauna yang unik dan menarik.

Berdasarkan pada sejarah terdapat juga lukisan dinding peninggalan masyarakat purba yang mendiami di dalam gua tersebut serta beberapa gua yang lain. Peninggalan lukisan dan artifak ini juga memberikan satu petanda kepada anak-anak muda yang melawat di situ bahawa seni lukis sudah bertapak di bumi Borneo sejak ribuan tahun yang lalu.

Ini membuktikan kewujudan psikik kepada

masyarakat Borneo bahawa kreativiti visual sudah ujud di sanubari setiap insan di pulau ini sebagai warisan turun temurun. Oleh itu jelas sekali bahawa pendedahan kepada tempat bersejarah kepada pelajar sekolah mahupun institut pengajian tinggi adalah sangat bermakna kepada persepsi mental serta pertumbuhan konsepsi yang tinggi.

Kesimpulannya rombongan eksplorasi seni visual dan pameran Intergrasi Borneo mencapai kejayaan yang di harapkan walaupun melalui berbagai-bagi kekangan dan halangan sama ada fizikal ataupun mental namun jika ia di rancang dengan teliti serta kerjasama yang ampuh dari semua ahli ahli maka kerja yang susah menjadi mudah. Sebelum berangkat beberapa buah karya telah dibeli dan menjadi peninggalan seni budaya yang baru menjalin satu intergrasi Borneo yang berkekalan.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).